

KUTKM JALIN KERJASAMA DALAM BIDANG "AI"

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 01/08/2003 | Author: / NO ROS

MELAKA, 1 Ogos (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Malaysia (KUTKM), universiti teknikal pertama negara, hari ini menjalin kerjasama bagi memajukan "kepintaran buatan" (AI) dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Rektor KUTKM Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani berkata kerjasama itu berupa perkongsian kepakaran dalam membangunkan "Kit Pembangunan Perisian Watak Pintar Buatan Maya" dalam bidang inovasi multimedia dan juga produk hiburan.

"KUTKM mencatat sejarah sebagai universiti pertama di Asia Tenggara memajukan bidang AI ini yang disasarkan sebagai bidang pengajian kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program di peringkat sarjana," katanya selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara KUTKM dan Maya Artificial Intelligent Sdn Bhd (MAI) di sini, hari ini.

Mohd Ruddin mewakili KUTKM manakala MAI diwakili Presidennya, Zamrin Bidin pada majlis MoU itu yang disaksikan oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan Kedua, Zaidi Zainol Abidin.

Mohd Ruddin berkata KUTKM menerusi kepakaran pembangunan AI berharap ianya sebagai produk penembus dalam aplikasi terkini ICT di negara ini.

"AI walaupun baru diperkenalkan di Malaysia tetapi ia sangat popular di Eropah terutama digunakan dalam industri multimedia dan pembangunan komputer," katanya.

-- BERNAMA

NO ROS